

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Anda perlu membaca maklumat berikut berserta terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini.

1. **Bukti Umur**

Jika Umur Peserta tidak disahkan di dalam Sijil ini, kami memerlukan bukti Umur beliau sebelum kami membayar tuntutan.

2. **Pertukaran Alamat**

Anda mesti memaklumkan kami jika terdapat sebarang pertukaran alamat surat-menyurat supaya kami dapat memaklumkan anda tentang maklumat penting.

3. **Pembayaran Sumbangan**

Anda boleh membayar Sumbangan anda melalui perbankan online atau JomPay. Sebarang Sumbangan yang anda bayar kepada kami dan ditunjukkan di dalam penyata kad kredit atau penyata bank akan menjadi pengesahan kami bagi pembayaran tersebut.

Adalah penting untuk anda menyimpan penyata kad kredit atau penyata bank anda sebagai bukti pembayaran Sumbangan bagi rujukan pada masa hadapan.

4. **Tempoh Rujukan Percuma**

Jika anda memutuskan untuk tidak meneruskan Sijil ini, anda boleh memulangkan Sijil dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Sijil. Kami akan memulangkan Sumbangan yang telah dibayar kepada Anda.

5. **Serahan**

Memandangkan Sijil ini tidak memberikan sebarang manfaat serahan, anda dinasihatkan tidak menyerahkan Sijil anda selepas Tempoh Rujukan Percuma. Kami tidak akan membayar sebarang nilai serahan kepada anda, tetapi kami akan melindungi anda sehingga satu hari sebelum tarikh Sumbangan berikutnya perlu dibayar. **la mungkin tidak menguntungkan untuk menyerahkan atau menggantikan Sijil sedia ada** dengan yang baru.

Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami sebelum membuat keputusan yang muktamad.

6. **Penyerahan Tuntutan**

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada kami ke alamat berikut. Bagi tuntutan perubatan dan kemalangan, ianya harus dihantar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian manakala untuk tuntutan lain, ia adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian.

AmMetLife Takaful Berhad (No. Syarikat 931074-V)

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur

Setelah kami menerima pemberitahuan tersebut, kami akan memaklumkan anda berkenaan dokumen-dokumen yang sepatutnya diisi dan diserahkan kepada kami untuk memproses tuntutan anda. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di nombor yang tertera di bawah.

7. Bagaimana untuk Menghubungi Kami

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat, membuat pertanyaan, memberikan maklum balas atau mempunyai apa-apa pertikaian mengenai Sijil anda atau anda tidak berpuas hati dengan keputusan kami berkaitan tuntutan anda dan ingin membuat aduan, anda boleh hubungi terus wakil yang dilantik atau kami di butiran berikut:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Tingkat 6, Menara 1 Sentrum,
No 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur

No. Tel. : 1 300 22 9777
No. Faks : (603) 2272 3229
E-mel : customercare@ammelifetakaful.com
Laman Web : ammelifetakaful.com

SMS (Alert)

Taip AMT<jarak>Mesej
Hantar ke 33911

8. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) telah ditubuhkan untuk menawarkan perlindungan kepada pelanggan dan membantu anda untuk menyelesaikan sebarang pertikaian mengenai tuntutan di antara anda dan kami. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan yang kami buat ke atas tuntutan anda, anda boleh menulis ke alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No Tel. : (603) 2272 2811
No Faks : (603) 2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my

9. BNM Laman Informasi Nasihat Dan Khidmat (BNM LINK) dan BNMTELELINK

Jika anda mempunyai lain-lain pertanyaan atau aduan mengenai pelan takaful dan perkhidmatan-perkhidmatan kami, anda boleh merujuk aduan anda ke Bank Negara Malaysia melalui BNMLINK dan BNMTELELINK.

BNMLINK menyediakan perkhidmatan pelanggan secara bersemuka untuk pertanyaan umum dan aduan-aduan awam dan terletak di pejabat-pejabat daerah Bank Negara Malaysia dan ibu pejabatnya terletak di:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Bank Negara Malaysia
Tingkat Bawah, Blok D,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-2698 8044 sambungan 8950/ 8958 (BNMLINK Talian Umum)

Sebagai alternatif, anda juga boleh menghubungi BNMTELELINK melalui telefon, faks, surat atau emel dengan menghubungi alamat seperti di bawah:

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia,

P.O. Box 10922,

50929 Kuala Lumpur.

No. Tel. : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

No. Tel (Luar Negara): (603) 2174 1717

No. Faks : (603) 2174 1515

Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman Web : www.bnm.gov.my

BNMLINK dan BNMTELELINK beroperasi pada: Isnin – Jumaat, 9.00 pagi – 5.00 petang.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SIJIL TAKAFUL

1. DEFINISI-DEFINISI

Dalam Sijil ini, kecuali konteks membawa maksud berlainan, perkataan-perkataan / terma-terma di bawah membawa maksud yang berikut:

Kemalangan	Satu kejadian tertentu yang berlaku secara mengejut, tidak disengajakan, di luar jangkaan dan luarbiasa yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat yang berlaku pada tarikh, waktu dan tempat yang dikenalpasti yang mana akan, secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain, menjadi punca kecederaan badan.
Umur	Umur pada hari lahir akan datang.
Kumpulan AmBank	Merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat bersekutu secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada: AmBank (M) Berhad, AmBank Islamic Berhad, AmInvestment Bank Berhad, AmInvestment Group Berhad, AmInvestment Services Berhad, AmIslamic Funds Management Sdn Bhd, AmFutures Sdn Bhd, AmCard Services Berhad, AmGeneral Insurance Berhad dan AmMetLife Insurance Berhad.
Caj Yang Dikenakan	Caj sebenar yang dikenakan bagi rawatan perubatan yang sewajarnya, yang perlu dan kebiasaan bagi rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.
Pejabat yang Berdaftar	Ibu Pejabat AmMetLife Takaful atau mana-mana cawangan yang didaftarkan.
Bank Negara Malaysia (BNM)	BNM merupakan badan kerajaan di Malaysia yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan utama bagi Pengendali Takaful.
Sijil	Termasuk Pendahuluan, Penyataan Maklumat Sijil, Peruntukan-peruntukan Sijil Takaful, Jadual, Sijil, Endorsemen dan notis-notis pengesahan yang kami keluarkan bersama borang cadangan, pengakuan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain-lain, jika ada, yang mana anda dan/atau Peserta telah berikan.
Ulang Tahun Sijil	Ulang Tahun Tarikh Kuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Pemegang Sijil atau anda	Pemegang Sijil ini, iaitu orang yang dinamakan di dalam Jadual Pertama, dan termasuk pemegang serah hak, jika hak Sijil telah diserahkan.
Tahun Sijil	Satu (1) tahun termasuk Tarikh Kuatkuasa dan selepas tarikh tersebut. Setiap Tahun Sijil yang berlalu adalah satu (1) tahun dari Ulang Tahun Sijil ke Ulang Tahun Sijil yang akan datang.
Tarikh Kuatkuasa	Tarikh Kuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Cukai Penggunaan	Sebarang cukai perlu dibayar (pada masa ini atau masa akan datang) keatas jualan atau pembekal barangan, perkhidmatan atau lain-lain jenis, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barangan dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai jualan, cukai perkhidmatan atau apa-apa cukai serupa yang dikenakan.
Sumbangan	Sumbangan takaful yang anda perlu bayar untuk Manfaat-manfaat Takaful asas dan tambahan (jika ada) di bawah Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Tarikh Perlindungan	Tarikh Sijil ini dikeluarkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama dan ia adalah tarikh di mana perlindungan takaful yang diberikan di bawah Sijil ini bermula.
Diagnosis	<p>Sesuatu diagnosis sahih yang dibuat oleh Doktor berdasarkan bukti khusus yang telah kami nyatakan untuk penyakit khusus atau berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang kami terima.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai Diagnosis tersebut, kami berhak untuk meminta satu (1) pemeriksaan dijalankan sama ada terhadap anda atau Peserta (yang mana berkenaan) atau bukti yang digunakan dalam mendapatkan diagnosis tersebut, oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan berkenaan dan pandangan pakar itu terhadap diagnosis tersebut akan dikira terikat di antara anda atau Peserta dengan kami.</p>
Hilang Upaya	Sesuatu kesakitan, wabak, penyakit atau semua kecederaan yang terjadi daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
Doktor, Pakar Perubatan atau Pakar Bedah	Pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat. Semasa memberikan rawatan, mereka mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Individu ini tidak termasuk anda, Peserta, suami atau isteri anda atau Peserta atau saudara-mara terdekat.
Perbelanjaan Yang Layak	Perbelanjaan yang perlu dari segi perubatan yang terlibat disebabkan oleh sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi tetapi tidak melebihi pengehadan di dalam Jadual Manfaat.
Endorsemen	Endorsemen, jika ada, sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam Sijil ini yang diubahsuai atau diubah dan ditandatangani oleh kami.
Tarikh Luput/Matang	Tarikh Luput/Matang Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Fi	Fi Wakalah dan Tabarru' yang ditolak.
Tahun Kewangan	Tempoh dari 1 April bagi mana-mana tahun kalendar sehingga 31 Mac tahun kalendar berikutnya.
Hospital	<p>Satu pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai Hospital bagi penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil-berbayar, dan yang mana:</p> <ol style="list-style-type: none"> mempunyai kemudahan untuk Diagnosis dan pembedahan major, menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24-jam sehari oleh jururawat berdaftar dan berkelulusan, di bawah penyeliaan Doktor atau Pakar Perubatan, bukan klinik, tempat untuk penagih alkohol dan dadah, pusat penjagaan, rumah pemulihan atau rehat atau rumah orang-orang tua, atau pertubuhan yang seumpamanya, dan tidak termasuk hospital-hospital psikiatrik, terutamanya untuk rawatan penyakit mental dan/atau gangguan psikiatri.
Dimasukkan/Kemasukkan ke Hospital	Kemasukkan ke Hospital secara berterusan sekurang-kurangnya selama enam (6) jam berada di dalam sesebuah Hospital dan sesuatu caj untuk bilik dan penginapan telah dibuat oleh pihak Hospital bagi tujuan tersebut. Seorang pesakit tidak akan dianggap sebagai dimasukkan ke hospital sekiranya pesakit tersebut tidak berada secara fizikal di dalam Hospital di sepanjang kemasukannya ke hospital.

Kecederaan	Kecederaan anggota badan yang dapat dilihat pada luaran badan yang disebabkan secara langsung oleh Kemalangan dan bebas daripada semua punca-punca lain, kecuali di dalam kes lemas atau kecederaan dalaman yang didedahkan melalui autopsi. Perlu ada bukti lebam atau luka pada tubuh badan yang dapat dilihat.
Unit Rawatan Rapi (ICU)	Satu seksyen di dalam sebuah Hospital yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan diselia rapi selama dua puluh empat (24) jam hanya untuk merawat pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan dilengkapkan untuk memberi rawatan dan perubatan khas yang tidak terdapat di tempat lain dalam Hospital tersebut
Had Seumur Hidup	Had Seumur Hidup adalah amaun maksimum yang boleh dibayar di sepanjang keseluruhan hayat Peserta. Apabila Had Seumur Hidup yang ditentukan di dalam Jadual Manfaat tercapai, Sijil ini akan tamat secara automatik.
Salahnyata	Sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini yang tidak benar, mengelirukan atau di mana maklumat disembunyikan daripada kami.
Perlu Daripada Segi Perubatan	Suatu perkhidmatan perubatan, yang mana: <ul style="list-style-type: none"> a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi, dan b) mengikut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan juga dengan manfaat-manfaat kesihatan yang terbukti, dan c) bukan untuk kemudahan Peserta atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diberikan sewajarnya sebagai pesakit luar (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam), dan d) bukan berbentuk eksperimen, siasatan, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan, dan e) dikenakan bayaran yang berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Hilang Upaya yang dilindungi itu.
MetLife	Merujuk kepada MetLife Holdings Inc. dan semua anak syarikat secara langsung atau tidak langsung, syarikat bersekutu, sekutu dan/atau syarikat yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada AmMetLife Takaful Berhad.
Garis Panduan Persatuan Perubatan Malaysian (MMA)	Jadual fi atau caj yang terkini untuk pelbagai deskripsi bagi perkhidmatan perubatan dan/atau rawatan yang disediakan oleh MMA sebagai panduan untuk profesion perubatan di Malaysia dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.
Pesakit Luar	Peserta menerima penjagaan perubatan atau rawatan tanpa dimasukkan ke hospital dan merangkumi rawatan di pusat Penjagaan Harian.
Had Tahunan Keseluruhan	Amaun maksimum yang boleh dibayar berkaitan perbelanjaan yang dikenakan untuk rawatan yang diberikan kepada Peserta di dalam tempoh Tahun Sijil.
Peserta	Orang yang dilindungi di bawah Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.
Dana Risiko Peserta-peserta (DRP)	Dana yang terdiri daripada Tabarru', daripada sebahagian Sumbangan anda, untuk membantu Peserta dan Peserta-peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat-manfaat yang mereka berhak ke atasnya.
Keadaan Sedia Ada	Hilang Upaya yang diketahui sewajarnya oleh Peserta sebelum Tarikh KuatKuasa. Seorang Peserta mungkin dianggap mengetahui sewajarnya sesuatu Keadaan Sedia Ada di mana keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana: <ul style="list-style-type: none"> a) Peserta telah atau sedang menerima rawatan; atau b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.

Qardh	Pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh kami jika DRP berada dalam keadaan defisit.
Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan	Bermaksud caj-caj yang perlu dari segi Perubatan bagi rawatan perubatan yang dikira munasabah. Kami akan menyesuaikan sebarang caj-caj Hospital yang dirasakan terlalu tinggi oleh pegawai perubatan kami. Caj-caj ini tidak boleh melebihi kadar caj umum yang dibuat oleh sesuatu Hospital dalam kedudukan dan lokasi yang sama di mana caj tersebut dibuat, dengan mengambil kira rawatan, perkhidmatan atau bekalan kepada individu dengan jantina dan umur yang sama untuk penyakit, kesakitan dan wabak atau Kecederaan dan sejajar dengan amalan dan piawai perubatan yang diterima di mana tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan dengan buruk keadaan perubatan Peserta.
Penyakit atau Wabak	Satu keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patalogikal daripada keadaan kesihatan yang normal.
Pakar	Bermaksud pengamal perubatan atau pergigian berdaftar yang bertauliah dan berlesen di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, di mana rawatan dilakukan dan beliau diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan sebagai seseorang yang mempunyai kepakaran yang khas dan superior di bidang perubatan atau pergigian yang spesifik, tetapi tidak termasuk Doktor, Pakar Perubatan, Pakar Pergigian atau Pakar Bedah yang merupakan anda atau Peserta itu sendiri.
Penyakit Spesifik	Bermaksud penyakit-penyakit berikut dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari yang pertama daripada Tarikh Perlindungan. <ul style="list-style-type: none"> a) Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular. b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari. c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak. d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele dan varikosele. e) Endometriosis termasuk penyakit melibatkan sistem Pemiakan. f) Gangguan spina vertebro (termasuk cakera) dan penyakit.
Pembedahan	Mana-mana prosedur perubatan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) membuat insisi, mengeksisi atau elektro-lecuh mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali perkhidmatan pergigian; b) membetulkan, membaik pulih atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan; c) mengurangkan dengan memanipulasi sesuatu retak atau dislokasi; d) penggunaan prosedur endoskopi untuk tujuan menyasat, mendiagnosis dan rawatan.
Lebihan	Lebihan yang timbul daripada DRP selepas pembayaran tuntutan, rizab dan kos retakaful (jika ada). Lebihan, jika ada, adalah dihitung setiap tahun.
Tabarru'	Sesuatu derma, hadiah atau Sumbangan. Di dalam Sijil ini, Tabarru' bermaksud derma untuk tujuan takaful.
Manfaat-manfaat Takaful	Manfaat-manfaat yang dinyatakan di bawah seksyen dengan tajuk "Manfaat-manfaat Takaful".
Tempoh Menunggu	Merujuk kepada jumlah hari daripada Hilang Upaya Peserta dan Tarikh Perlindungan. Ia tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan.
Wakalah	Satu persetujuan untuk melantik kami untuk bertindak bagi pihak Peserta-peserta untuk melaburkan dan menguruskan DRP yang disediakan di bawah Sijil ini. Bagi menguruskan dan melaburkan dana-dana, Kami berhak menerima Fi Wakalah.
kami	AmMetLife Takaful Berhad.

2. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM

2.1 Asas Sijil ini dan Syarat-syarat Hak

- 2.1.1 Ini adalah pelan takaful keluarga biasa individu yang memberikan anda perlindungan takaful seperti yang dinyatakan di dalam Sijil ini.
- 2.1.2 Sijil ini dikeluarkan berasaskan dan bergantung terhadap borang cadangan bersama dengan semua pernyataan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain di mana anda dan/atau Peserta telah berikan.
- 2.1.3 Sijil ini membentuk keseluruhan kontrak di antara anda dan kami. Kecuali dinyatakan sebaliknya, tiada wakil atau orang selain daripada individu(-individu) yang diberi kuasa oleh kami boleh membuat sebarang pertukaran, perubahan atau penepian yang mana ianya mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh individu(-individu) yang diberi kuasa tersebut.

2.2 Perlindungan Takaful

- 2.2.1 Perlindungan Takaful kepada Peserta:
 - a) Akan bermula pada Tarikh Perlindungan dengan syarat kami menerima Sumbangan yang perlu dibayar untuk perlindungan tersebut dan berakhir pada Tarikh Luput; dan
 - b) Akan tamat berdasarkan peruntukan-peruntukan Sijil ini.
- 2.2.2 Pada setiap Ulang Tahun Sijil, Sijil ini tertakluk kepada pembayaran Sumbangan pada kadar yang berkuatkuasa pada masa itu. Sebarang semakan kepada kadar Sumbangan akan terpakai kepada semua Peserta tanpa mengira pengalaman tuntutan mereka berdasarkan penilaian risiko kami.
- 2.2.3 Semua hak di bawah Sijil ini hanya boleh dilaksanakan oleh anda, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Sewajarnya dan Tidak Membuat Salah Nyataan

- 2.3.1 Anda dikehendaki untuk mengambil langkah sewajarnya dalam menjawab borang cadangan dan/atau secara sukarela mendedahkan maklumat kepada kami. Jika maklumat yang anda berikan adalah tidak tepat atau dibuat secara palsu, atau kami mendapati bahawa anda telah menyembunyikan sebarang kenyataan, dan maklumat tersebut adalah penting untuk kami menentukan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada Peserta di bawah Sijil ini, maka kami boleh mengambil tindakan(-tindakan) tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Sijil ini.
- 2.3.2 Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat-manfaat Takaful jika:
 - a) Sebarang borang cadangan, pengakuan, maklumat perubatan dan dokumen/maklumat lain yang dinyatakan adalah didapati palsu, tidak benar atau tidak lengkap dan ianya dibuat atau tidak dinyatakan dengan niat untuk melakukan penipuan; atau
 - b) Anda tidak memberikan kami dokumen-dokumen atau maklumat yang sepatutnya diberikan kepada kami dalam masa yang telah kami tetapkan untuk proses pembayaran Manfaat Takaful.
- 2.3.3 Salahnyata yang disengajakan atau melulu
Di mana kami menjumpai sebarang Salahnyata adalah:-
 - a) dibuat secara melulu atau sengaja; dan
 - b) relevan kepada kami selagi sekiranya maklumat tersebut telah didedahkan kepada kami secara wajar, ianya akan mengakibatkan keengganan kami mengeluarkan Sijil ini atau kami mengenakan terma yang kurang menguntungkan Peserta;maka, kami akan memilih untuk membatalkan Sijil dan menolak semua tuntutan.
Jika kami memilih untuk membatalkan Sijil, kami akan membayar balik amaun Fi Wakalah yang masih belum diperolehi kepada anda.
- 2.3.4 Salahnyata yang cuai atau tidak bersalah
Jika Salahnyata adalah:-
 - a) Tidak sengaja atau tidak bersalah; dan
 - b) Sekiranya keadaan atau kenyataan adalah betul atau tepat telah diberitahu kepada kami pada permulaan Sijil atau sebarang perlindungan/rider/manfaat;Akibatnya, kami tidak akan mengeluarkan Sijil dari awal lagi, kami boleh memilih untuk membatalkan Sijil dan menolak sebarang tuntutan seperti kami tidak pernah mengeluarkan Sijil. Jika kami membatalkan Sijil ini, kami akan membayar balik amaun berikut kepada anda:
 - a) Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah; dan
 - b) Fi Wakalah yang masih belum diperolehi.ATAU

Akibatnya, kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi pada terma-terma yang berbeza, kemudian kami boleh memilih untuk mengenakan terma-terma yang berbeza di dalam Sijil dan terma-terma tersebut boleh digunakan secara retrospektif dari Tarikh Kuatkuasa.

ATAU

Akibatnya, kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi dengan Sumbangan yang lebih tinggi kemudian kami boleh mengurangkan manfaat yang dibayar dari DRP secara berkadar berdasarkan kiraan berikut:

$$\frac{\text{Sumbangan sebenar yang dikenakan} \times \text{Amaun tuntutan seperti Sijil ini}}{\text{Sumbangan yang akan dikenakan}}$$

2.4 Salahnyata Umur atau Jantina Peserta

- 2.4.1 Umur Peserta mungkin telah diakui semasa hayatnya kepada kami dengan bukti yang sepatutnya diberikan tetapi jika ia tidak diakui, bukti umur mesti diserahkan sebelum kami membayar sebarang Manfaat Takaful untuk tuntutan yang dibuat di bawah Sijil ini.
- 2.4.2 Jika sebelum ini kami tidak mengesahkan atau memastikan umur atau jantina Peserta adalah benar, kami mempunyai hak untuk meminta bukti Umur atau jantina Peserta sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.
- 2.4.3 Jika anda atau Peserta telah menyatakan umur atau jantina Peserta dengan salah, kami berhak untuk mengubah atau menyelaraskan peruntukan-peruntukan Sijil ini, berdasarkan umur atau jantina Peserta yang sebenar.
- 2.4.4 Jika jumlah Sumbangan berdasarkan Umur atau jantina Peserta yang betul adalah lebih tinggi daripada jumlah Sumbangan yang telah dibayar, kami akan mengurangkan manfaat yang perlu dibayar dan membezakan pengagihan lebihan di bawah Sijil ini dengan perbezaan antara Sumbangan sebenar yang dibayar dan Sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk Sijil.
- 2.4.5 Jika jumlah Sumbangan berdasarkan kepada Umur atau jantina Peserta yang betul adalah lebih rendah daripada jumlah Sumbangan yang telah dibayar, kami akan memulangkan perbezaan antara Sumbangan sebenar yang dibayar dan Sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk Sijil.

2.5 Ketidakbolehpertikaian

- 2.5.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil ini selepas ia telah berkuatkuasa semasa hayat Peserta kecuali bagi Salahnyata, pernyataan palsu atau fakta-fakta penting tidak dinyatakan.
- 2.5.2 Fakta penting bermaksud fakta yang mana, jika kami ketahui, ia mungkin menyebabkan kami mengenakan Sumbangan atau pengecualian tambahan atau menolak permohonan takaful.

2.6 Mata Wang dan Tempat Pembayaran

- 2.6.1 Bayaran Sumbangan atau Manfaat-manfaat Takaful mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.

2.7 Pertukaran Sumbangan, Fi atau Terma dan Syarat

- 2.7.1 Kami berhak meminda amaun Sumbangan atau Fi atau meminda terma dan syarat Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis sembilan puluh (90) hari kepada anda di alamat terakhir anda yang diketahui. Pindaan ini akan ditentukan oleh kami yang dianggap wajar dan saksama.

2.8 Pertukaran Risiko

- 2.8.1 Anda mesti memberi notis secara bertulis dengan serta-merta jika ada pertukaran di dalam pekerjaan, perniagaan, tugas-tugas atau kegiatan-kegiatan Peserta dan membayar sebarang Sumbangan tambahan yang mungkin dikenakan oleh kami disebabkan perubahan dalam risiko.

2.9 Tempoh Rujukan Percuma

- 2.9.1 Anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi kami notis secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Sijil ini. Sijil ini akan hanya dianggap telah dipulangkan kepada kami pada tarikh ianya diterima oleh kami.

- 2.9.2 Jika Sijil ini dibatalkan semasa Tempoh Rujukan Percuma, kami akan memulangkan amaun penuh Sumbangan yang telah dibayar.

2.10 Tempoh Tangguh

- 2.10.1 Anda mesti membayar Sumbangan dalam Tempoh Tangguh Tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Sumbangan perlu dibayar. Sekiranya Sumbangan tidak dibayar selepas Tempoh Tangguh, Sijil ini akan ditamatkan. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan semasa Tempoh Tangguh, sebarang Sumbangan tertunggak untuk Tahun Sijil akan ditolak dari jumlah tuntutan sebelum pembayaran tuntutan dibuat di bawah Sijil ini.

2.11 Retakaful

- 2.11.1 Kami akan mendapatkan dan mengatur untuk retakaful daripada mana-mana pihak ketiga kami anggap perlu dan berpatutan dengan perlindungan Takaful yang diluluskan di bawah Sijil ini.

2.12 Pemberitahuan

- 2.12.1 Semua pemberitahuan mestilah secara bertulis dan akan diserahkan kepada anda.
2.12.2 Begitu juga, semua pemberitahuan kepada kami mestilah secara bertulis dan dianggap telah diserahkan selengkapnya apabila kami menerimanya.
2.12.3 Sebarang pemberitahuan yang dihantar melalui pos adalah dianggap telah diterima oleh anda lima (5) hari selepas ia dipos tanpa mengira sama ada ia telah diterima atau tidak.
2.12.4 Bagi pemberitahuan umum kepada pelanggan-pelanggan kami di mana tidak spesifik kepada seseorang Pemegang Sijil atau Peserta sahaja, pemberitahuan tersebut dianggap mencukupi sekiranya pemberitahuan tersebut dibuat melalui pengumuman di dalam akhbar-akhbar utama atau melalui laman sesawang kami (yang dianggap sesuai oleh kami).

2.13 Pemberitahuan Pengesahan

- 2.13.1 Jika kami mengeluarkan pemberitahuan pengesahan, kami akan menganggap isi kandungan untuk pemberitahuan itu adalah benar kecuali terdapat kesilapan yang jelas atau anda membuat aduan yang sah kepada kami dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pemberitahuan pengesahan.

2.14 Tafsiran

- 2.14.1 Di dalam Sijil ini, kecuali dinyatakan sebaliknya:
- tajuk-tajuk dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak menjejaskan bagaimana Sijil ini ditafsirkan;
 - perkataan-perkataan yang merujuk kepada mufrad juga termasuk perkataan jamak dan sebaliknya di mana bersesuaian;
 - perkataan-perkataan yang merujuk kepada jantina adalah termasuk semua jantina;
 - rujukan terhadap sebarang notis atau permintaan yang hendak diberikan kepada kami hendaklah secara bertulis;
 - rujukan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan adalah termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang diubah atau dibuat semula dari semasa ke semasa.
- 2.14.2 Setiap peruntukan di dalam Sijil ini adalah berasingan dan berlainan di antara satu sama lain dan jika satu (1) atau lebih peruntukan-peruntukan itu menjadi tidak sah, dibatalkan atau menyalahi undang-undang, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain di dalam Sijil ini tidak akan terjejas atau terkurang olehnya.

2.15 Undang-undang, Syarat-syarat dan Peraturan-peraturan

- 2.15.1 Sijil ini dan kewajipan kami ke atas Sijil ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia sekarang dan undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tersebut adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang surat pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan sekarang atau pada masa akan datang oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau badan-badan berkanun yang mempunyai kuasa ke atas kami.
- 2.15.2 Bertepatan dengan apa yang terkandung di dalam Sijil ini, jika terdapat konflik di antara peruntukan-peruntukan di dalam Sijil ini dan sebarang undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan (termasuk tetapi tidak terhad kepada surat pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan sekarang atau pada masa akan datang oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau badan-badan berkanun yang mempunyai kuasa ke atas kami), undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tersebut akan diguna pakai.
- 2.15.3 Sijil ini akan dikawal dan diertikan berdasarkan undang-undang Malaysia dan semua pihak secara muktamad menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah yang berkeelayakan di Malaysia.
- 2.15.4 Kami mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang perubahan yang mungkin diperlukan berdasarkan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan dengan memberi anda notis secara bertulis.

2.16 Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau Pembiayaan Keganasan Secara Haram

- 2.16.1 Jika kami mengetahui atau mengesyaki dengan sebab yang berasa bahawa Sijil ini digunakan untuk aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram dan/atau untuk membiayai keganasan, kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang telah dibayar dan semua Manfaat Takaful yang perlu dibayar berdasarkan Sijil ini dengan pelbagai cara yang kami fikir sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa.

2.17 Pendedahan Maklumat

- 2.17.1 Anda memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan, pada budi bicara kami, maklumat dan dokumen berkaitan dengan Sijil ini kepada/untuk:
- Waris terdekat/pentadbir/wasi/pewaris/peguam cara yang mewakili mereka untuk tujuan memohon sebarang perintah mahkamah berkenaan dengan harta pusaka anda;
 - Kepada mana-mana pihak atau peguam cara yang mewakili pihak yang telah mendapat perintah mahkamah berkenaan dengan Sijil ini;
 - Penerima dan pengurus yang dilantik oleh mana-mana pemegang debentur Peserta korporat, penyelesaian, pemegang serah hak rasmi/penerima rasmi Peserta yang bankrap;
 - BNM/pengawal selia/pihak berkuasa yang bertindak di bawah kuasa yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang;
 - Persatuan/organisasi industri takaful yang mana kami merupakan ahli;
 - Wakil-wakil/ajuster-ajuster kerugian yang dilantik oleh kami;
 - Wakil-wakil yang dilantik oleh anda;
 - Tujuan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan Sijil ini;
 - Polis/badan penyiasat yang lain untuk:
 - Membuat laporan yang berkaitan dengan kami;
 - Penyiasatan untuk sebarang jenayah (termasuk pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan);
 - Pencegahan jenayah;
 - Badan-badan berkanun, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mereka melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka;
 - Vendor kami, pembekal perkhidmatan, perunding-perunding, penasihat profesional luar yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi, tugas-tugas dan tanggungjawab kepada kami dan Kumpulan AmBank/MetLife;
 - Mana-mana pihak yang mana pada masa hadapan mungkin berminat untuk mengambil alih kepentingan/menjadi pemegang saham/menurut mana-mana susunan, komposisi, gabungan, pengambil-alihan/penyusunan semula yang dicadangkan di antara kami dan pihak-pihak tersebut;
 - Mana-mana pihak luar yang diperlukan untuk sebarang latihan korporat, aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh kami/Kumpulan AmBank/MetLife;

- j) Syarikat-syarikat Kumpulan AmBank/MetLife untuk tujuan perkhidmatan sumber luar oleh kami dan untuk perkhidmatan yang dikongsi/berpusat seperti audit dalaman, pengurusan risiko, undang-undang, kewangan, informasi teknologi dan pematuhan.

2.18 Privasi

- 2.18.1 Anda telah mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi kami yang boleh didapati di ammetlifetakaful.com dan fasal di dalam ini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai diperbadankan dengan merujuk ke dalam Sijil ini.
- 2.18.2 Anda memberi kebenaran kepada kami dan Kumpulan AmBank/MetLife, sekutu-sekutu dan ejen-ejen untuk mengumpul, memindah (di dalam atau di luar Malaysia) dan memproses data peribadi anda, termasuk data peribadi sensitif, seperti maklumat kesihatan bagi membolehkan kami menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab kami berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan manfaat-manfaat yang disediakan di bawah sijil ini. Data peribadi bermaksud nama, tarikh lahir, alamat jalan, alamat e-mel dan maklumat lain yang boleh mengenal pasti anda sebagai seorang individu.
- 2.18.3 Sekiranya anda memberikan data peribadi dan/atau maklumat kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga untuk tujuan menguruskan pelan Takaful dengan kami, anda:
 - a) Mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat kepada kami dan untuk kami menggunakannya berdasarkan Sijil ini;
 - b) Bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi pihak ketiga adalah tepat dan dikemaskini;
 - c) Bersetuju dengan kami untuk menamatkan pelan Takaful sekiranya persetujuan itu ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.
- 2.18.4 Anda bersetuju bahawa syarikat-syarikat berkaitan kami (Kumpulan AmBank atau MetLife), rakan dagangan dan rakan strategik boleh menghubungi anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami dan Kumpulan AmBank atau MetLife percaya mungkin menarik atau memberi manfaat kepada anda.
- 2.18.5 Kami dan Kumpulan AmBank/MetLife boleh berkomunikasi dengan anda melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, mesej elektronik/mudah alih, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang anda telah disediakan.
- 2.18.6 Anda boleh memaklumkan kepada kami pada bila-bila masa jika anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran kami, Kumpulan AmBank atau MetLife dan/atau rakan dagang dan rakan kongsi perniagaan, dengan menghubungi kami di pelbagai saluran di bawah:
- 2.18.7 Arah bertulis terkini anda kepada kami akan diguna pakai. Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata pelan takaful anda dan laman sesawang Kumpulan AmBank atau MetLife mungkin mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain dan Kumpulan AmBank/MetLife yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan peruntukan penghantaran/pengendalian pelan takaful dan/atau tanpa tambahan kos kepada anda.
- 2.18.8 Walaupun selepas anda telah menyediakan kami dengan mana-mana maklumat, anda akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, kami akan mempunyai hak untuk tidak memberikan atau tidak meneruskan penyediaan pelan takaful yang dihubungkan dengan maklumat tersebut.
- 2.18.9 Kami berhak untuk meminda seksyen ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dengan menyediakan notis kepada anda.
- 2.18.10 Seksyen ini tidak akan menjejaskan seksyen Pendedahan Maklumat Sijil ini.

2.19 Cukai Penggunaan

- 2.19.1 Sumbangan yang Anda akan bayar kepada Kami di bawah Sijil ini adalah tidak termasuk mana-mana Cukai Penggunaan, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa pengurangan disebabkan tuntutan balas atau apa-apa pemotongan atau penangguhan. Untuk mengelakkan keraguan, semua Sumbangan yang Anda bayar kepada Kami di bawah Sijil ini mestilah dibuat secara bebas dan bersih daripada sebarang potongan atau penangguhan berdasarkan Cukai Penggunaan. Sekiranya pemotongan atau penangguhan dikehendaki oleh undang-undang, amaun yang dibayar atau perlu dibayar mestilah dijumlahkan untuk memastikan Kami menerima amaun yang sama sebagaimana Kami berhak terima tanpa pemotongan atau penangguhan.

- 2.19.2 Sekiranya Kami dikehendaki oleh undang-undang dan/atau peraturan untuk mengira dan mengutip sebarang amaun dibayar atau perlu dibayar daripada Anda di bawah Sijil ini disebabkan Cukai Penggunaan, amaun yang telah Kami kira akan dibayar oleh Anda sebagai tambahan dan tanpa sebarang pemotongan atau penolakan kepada Sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

3. DANA-DANA

3.1 Peruntukan Sumbangan ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta

- 3.1.1 Kami akan memperuntukkan Sumbangan, setelah ditolak Fi Wakalah ke dalam DRP.

3.2 Serahan

- 3.2.1 Anda dinasihatkan untuk tidak menyerahkan Sijil ini.
3.2.2 Tiada nilai yang akan dibayar daripada DRP untuk penyerahan Sijil ini. Walau bagaimanapun kami akan melindungi anda sehingga satu hari sebelum tarikh Sumbangan berikutnya perlu dibayar.

3.3 Dana Risiko Peserta-peserta dan Agihan Lebihan

- 3.3.1 Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah, akan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai Tabarru'.
3.3.2 DRP adalah untuk manfaat bersama semua Peserta dan menyediakan satu bentuk perlindungan kewangan.
3.3.3 Kami akan membayar Manfaat Takaful untuk perlindungan yang berkaitan di bawah Sijil ini daripada DRP. Kami tidak akan membayar sebarang nilai serahan (jika ada) Sijil ini daripada DRP.
3.3.4 Kami akan menguruskan aset-aset dan mempunyai hak mutlak untuk melabur dan menguruskan aset-aset berdasarkan prinsip-prinsip Syariah dan akan mengelak daripada melabur aset-aset di dalam saham-saham atau aset-aset yang dilarang oleh Syariah. Kami akan membiayai apa-apa kerugian yang berlaku di dalam DRP jika kerugian tersebut adalah terbukti disebabkan oleh kecuaiannya kami dalam menguruskan DRP.
3.3.5 Semua kos, perbelanjaan, caj dan cukai untuk menyelenggara dan melaburkan aset-aset DRP dan sebarang perbelanjaan lain akan ditanggung dan dibayar daripada DRP.
3.3.6 Aset-aset dan liabiliti-liabiliti DRP akan dinilai pada akhir setiap Tahun Kewangan dan prinsip-prinsip aktuari akan diguna pakai untuk menilai Lebihan yang terhasil. Bayaran dan peruntukan tuntutan, kos retakaful (jika ada), rizab teknikal, rizab penstabilan dan sebarang defisit yang telah dibawa ke hadapan akan diambil kira semasa kami mengira Lebihan yang terhasil.
3.3.7 Sebarang Lebihan daripada DRP akan diperuntukkan semula kepada PRF.
3.3.8 Jika terdapat defisit di dalam DRP, kami akan menyediakan Qard daripada dana pemegang-pemegang saham untuk membiayai defisit. Lebihan yang terhasil di dalam DRP pada masa hadapan akan digunakan untuk membayar Qard sebelum Lebihan diagihkan.

4. SUMBANGAN DAN CAJ/FI

4.1 Sumbangan

- 4.1.1 Sijil ini dikeluarkan dan Manfaat Takaful di bawah Sijil ini tersedia kepada Peserta sebagai pertimbangan pembayaran Sumbangan yang ditetapkan.
4.1.2 Amaun, kekerapan dan tempoh Sumbangan yang perlu dibayar dinyatakan dalam Jadual Pertama.

4.2 Fi Wakalah

- 4.2.1 Setiap Sumbangan yang dibayar oleh anda adalah tertakluk kepada Fi Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

4.3 Tabarru'

- 4.3.1 Tabarru' ialah Sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah dan akan diperuntukkan ke dalam DRP.

4.4 Perkhidmatan Pentadbir Pihak Ketiga (PPK)

- 4.4.1 Kami mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan PPK daripada mana-mana punca yang kami anggap bersesuaian untuk manfaat Peserta.
- 4.4.2 Perkhidmatan Pentadbir Pihak Ketiga (PPK) akan dikenakan keatas Peserta akan ditolak daripada Fi Wakalah.

5. MANFAAT-MANFAAT TAKAFUL

5.1 Keadaan Dimana Manfaat Takaful akan Dibayar

- 5.1.1 Semasa Sijil ini berkuatkuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila penerimaan bukti yang sewajarnya seperti bil asal, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada kami bahawa Peserta dimasukkan ke Hospital untuk perkhidmatan yang Perlu Dari Segi Perubatan dan/atau rawatan berhubung dengan mana-mana manfaat dilindungi yang diterangkan di bawah akibat daripada Penyakit atau Kecederaan, kami akan membayar Perbelanjaan yang Layak sehingga Had Tahunan Keseluruhan yang sesuai, seperti yang diperuntukkan di bawah Sijil ini untuk:
- Penyakit yang wujud atau didiagnosis selepas Tempoh Menunggu (dengan pengecualian untuk Penyakit Spesifik di mana keadaan yang sama akan dikenakan); atau
 - Kecederaan yang berlaku pada atau selepas Tarikh Kuatkuasa.
- 5.1.2 Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan hendaklah bergantung kepada:
- caj yang selaras dan yang biasa dikenakan ke atas wad atau bilik dan penginapan yang mana lebih kurang sama dan dalam had harian Jadual Manfaat; dan
 - caj adalah konsisten dan sama taraf seperti yang dicadangkan dalam Garis Panduan MMA.

5.2 Jadual Manfaat

Plan (Maximum Per Disability)	Plan 200
Manfaat Kemasukan Hospital	
Bilik & Penginapan <i>(maksimum seratus lima puluh (150) hari)</i>	RM200
Unit Rawatan Rapi <i>(maksimum tujuh puluh lima (75) hari)</i>	RM300
Pelbagai Perkhidmatan Hospital	*Seperti caj yang dikenakan
Fi Bilik Pembedahan	
Manfaat Pembedahan	
Fi Pakar Bius	
Manfaat Pra & Rawatan Susulan Hospital	
Perkhidmatan Diagnostik Prahospital <i>(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)</i>	*Seperti caj yang dikenakan
Rundingan Doktor Pakar Prahospital <i>(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk hospital atau pembedahan)</i>	
Rawatan Susulan Selepas Keluar Hospital <i>(dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar hospital)</i>	
Pendapat Pembedahan Kedua <i>(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum pembedahan)</i>	
Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital <i>(maksimum dua (2) lawatan sehari)</i>	

Manfaat Pesakit Luar	
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan akibat Kemalangan termasuk Kecederaan gigi (maksimum tiga puluh satu (31) hari untuk rawatan susulan)	RM2,000
Fisioterapi pesakit luar (dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar hospital)	*Seperti caj yang dikenakan
Prosedur jagaan harian	
Fi Ambulans	
Fi Rekod Perubatan	RM80
Manfaat Malapetaka Perubatan	
Rawatan Kanser Pesakit Luar (maksimum setahun)	RM40,000
Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (maksimum setahun)	RM40,000
Pemindahan Organ (sekali seumur hidup)	RM75,000
Lain-lain Manfaat	
Cukai Kepenggunaan yang Berkaitan	*Seperti caj yang dikenakan
Had Tahunan Keseluruhan	100,000
Had Seumur Hidup	Nil

*Caj yang dikenakan adalah berdasarkan Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan.

5.3 Huraian Manfaat

5.3.1 Bilik dan Penginapan Harian Hospital

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan untuk bilik dan makanan. Amaun untuk manfaat tersebut hendaklah bersamaan dengan caj-caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Peserta dimasukkan ke dalam Hospital, tertakluk kepada bilangan hari maksimum yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap Tahun Sijil. Peserta hanya akan layak untuk manfaat ini semasa menginap di hospital sebagai pesakit dan manfaat ini tidak tertakluk kepada penolakan caj.

5.3.2 Unit Rawatan Rapi

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan untuk penginapan sebenar yang terlibat semasa kemasukan sebagai pesakit-dalam di Unit Rawatan Rapi di Hospital tersebut. Kami akan membayar amaun yang bersamaan dengan caj-caj sebenar yang dikenakan oleh pihak Hospital tertakluk kepada maksimum hari yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat dalam setiap Tahun Sijil. Sekiranya tempoh penginapan di Unit Rawatan Rapi melebihi tempoh maksimum yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat, maka pembayaran balik akan dihadkan kepada kadar biasa Bilik dan Penginapan Harian Hospital.

Manfaat Bilik dan Penginapan Harian Hospital tidak akan dibayar bagi tempoh berada di dalam Unit Rawatan Rapi jika Manfaat Harian Unit Rawatan Rapi dibayar.

5.3.3 **Lain-lain Perkhidmatan Hospital**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan bagi rawatan umum, ubat-ubatan dan dadah yang telah dipreskripsi dan boleh dimakan, pembalut luka, pengandah, balutan plaster, sinaran x, ujian makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisme basal, suntikan dan cecair intravena, pemberian darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma tersebut, semasa Peserta menerima rawatan Hospital sebagai pesakit dalam, setakat mana amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.4 **Bilik Pembedahan**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan berkaitan dengan prosedur pembedahan tetapi tidak melebihi had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.5 **Manfaat Pembedahan**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan oleh Doktor Pakar, termasuklah penilaian pra-pembedahan lawatan Doktor Pakar terhadap Peserta dan penjagaan selepas pembedahan untuk jumlah hari maksimum yang dikira dari tarikh pembedahan, tetapi di dalam had maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Sekiranya lebih dari satu pembedahan dilakukan bagi Mana-mana Satu Hilang Upaya, jumlah pembayaran bagi semua pembedahan yang dilakukan hendaklah tidak melebihi had maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.6 **Fi Pakar Bius**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan untuk pemberian pembiusan yang perlu, tetapi tidak melebihi had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.7 **Khidmat Diagnostik Pra Hospital**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan untuk ECG, sinaran x dan ujian makmal yang dilakukan bagi tujuan diagnostik bagi kecederaan atau penyakit berkaitan dengan Hilang Upaya sebelum masuk Hospital di dalam bilangan hari yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat di dalam Hospital, dan yang mana ianya telah disarankan oleh pengamal perubatan yang bertauliah.

Kami tidak akan membayar sekiranya setelah menjalani khidmat diagnostik, Peserta tidak dimasukkan ke hospital untuk menjalani rawatan masalah perubatan yang didiagnoskan. Caj perubatan dan nasihat pakar yang dikenakan oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

5.3.8 **Khidmat Perundingan Pakar Pra-Hospital**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang Perlu Daripada Segi Perubatan bagi rundingan pertama dengan Pakar berkaitan Hilang Upaya dalam bilangan hari maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sebelum masuk Hospital dan tertakluk kepada perundingan tersebut adalah Perlu Daripada Segi Perubatan dan telah disarankan secara bertulis oleh pengamal perubatan yang merawat.

Kami tidak akan membayar untuk rawatan klinikal (termasuklah ubat-ubatan dan perundingan susulan selepas penyakit didiagnoskan) atau jika Peserta tidak dimasukkan ke hospital untuk rawatan terhadap masalah perubatan yang telah didiagnoskan.

5.3.9 **Rawatan Susulan Selepas Keluar Hospital**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi rawatan susulan yang Perlu Daripada Segi Perubatan yang dilakukan oleh Pakar Perubatan yang sama, dalam tempoh bilangan hari maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, sebaik sahaja dibenarkan keluar dari Hospital bagi Hilang Upaya yang tidak melibatkan pembedahan. Ini hendaklah meliputi ubat-ubatan yang dipreskripsikan selama rawatan susulan, tetapi tidak boleh melebihi daripada bekalan yang diperlukan bagi bilangan hari maksimum sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.10 **Pendapat Kedua Pembedahan**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan bagi perundingan dan pendapat dengan pakar perubatan kedua untuk menentukan perlu atau tidaknya pembedahan, berkaitan dengan masalah kesihatan Peserta sehingga had maksimum setiap Hilang Upaya sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Bayaran akan dibuat hanya jika Peserta dimasukkan ke hospital untuk dibedah dan sekiranya caj-caj dikenakan untuk tempoh waktu yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke hospital.

5.3.11 **Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan bagi lawatan yang Perlu Daripada Segi Perubatan ke atas pesakit yang dimasukkan ke wad bagi Hilang Upaya yang tidak memerlukan pembedahan, tertakluk kepada maksimum dua (2) lawatan sehari dan tidak melebihi bilangan hari maksimum sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.12 **Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar Termasuk Pergigian**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang telah ditanggung sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, akibat dari kecederaan badan atau gigi yang dilindungi disebabkan oleh Kemalangan, dan menerima rawatan yang Perlu Daripada Segi Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau Hospital berdaftar dalam tempoh masa dua puluh empat (24) jam dari berlakunya Kemalangan yang menyebabkan kecederaan badan/gigi yang dilindungi tersebut. Rawatan susulan oleh doktor yang sama atau klinik atau hospital berdaftar yang sama bagi kecederaan badan yang dilindungi yang sama akan diberikan sehingga amaun dan bilangan hari yang maksimum seperi yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

5.3.13 **Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi rawatan fisioterapi pesakit luar yang disyorkan secara bertulis oleh Pakar Perubatan berlesen selepas Pembedahan atau rawatan dalam hospital, dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tarikh keluar dari Hospital / Pembedahan bagi Mana-mana Satu Hilang Upaya sehingga maksimum, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Bagaimanapun, kami tidak akan membayar untuk ubat-ubatan / rawatan dan perundingan susulan dengan Pakar Perubatan yang sama.

5.3.14 **Prosedur Penjagaan Harian**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan bagi semua fi profesional, termasuk semua kos sampingan, bekalan dan perkhidmatan, bagi Prosedur Pembedahan Penjagaan Harian yang kecil yang dilakukan ke atas pesakit luar tanpa penginapan di hospital. Prosedur pembedahan termasuklah semua prosedur invasif (diagnostik) atau endoskopik, dan pembedahan kecil, tetapi tidak termasuk prosedur atau rawatan bagi penyakit jangka-panjang seperti barah dan kegagalan buah pinggang.

5.3.15 **Fi Ambulans**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang ditanggung bagi khidmat ambulans domestik (termasuk attendan) pergi ke dan balik dari Hospital yang diwadkan tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Kami tidak akan membayar sekiranya Peserta tidak dimasukkan ke wad hospital.

5.3.16 **Fi Rekod Perubatan**

Kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang telah ditanggung oleh Peserta bagi rekod Perubatan, tertakluk kepada had maksimum bagi manfaat ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

5.3.17 **Rawatan Kanser Pesakit Luar**

Sekiranya Peserta didiagnoskan menghidap kanser seperti yang didefinisikan di bawah, kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan bagi rawatan yang Perlu Daripada Segi Perubatan bagi kanser, yang dilakukan di pusat rawatan kanser yang berdaftar secara undang-undang, tertakluk kepada had Hilang Upaya ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi, tidak termasuk perundingan, ujian pemeriksaan, ubat-ubatan yang boleh dibawa pulang) mestilah diterima di jabatan pesakit luar sesebuah Hospital atau pusat rawatan kanser yang berdaftar secara undang-undang sebaik sahaja keluar dari Hospital atau selesai menjalani pembedahan.

Kami mendefinisikan kanser sebagai sebarang tumor malignan yang didiagnos secara positif dan dicirikan oleh peregakan sel-sel malignan yang tidak terkawal serta serangan ke atas tisu-tisu normal. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarkoma.

Berdasarkan kepada definisi di atas, keadaan-keadaan berikut dikecualikan:

- a) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai pra-malignan, tidak menyerang; karsinoma in situ; sama ada mempunyai risiko hampir malignan atau mempunyai potensi malignan yang rendah.
- b) Semua tumor prostat, tiroid dan pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (klasifikasi TNM).
- c) Leukemia Limfositik Kronik yang kurang daripada RAI Tahap 3.
- d) Semua kanser akibat daripada HIV.
- e) Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan.

Kami tidak akan membayar manfaat ini untuk mana-mana Peserta yang telah didiagnos sebagai pesakit kanser dan/atau sedang menerima rawatan kanser sebelum Tarikh Perlindungan Sijil atau tarikh Sijil ini dikeluarkan.

5.3.18 Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar

Sekiranya Peserta didiagnos menghidap kegagalan buah pinggang sebagaimana yang didefinisikan di bawah, kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan rawatan dialisis buah pinggang yang ditanggung yang dijalankan di pusat dialisis berdaftar, tertakluk kepada had Hilang Upaya ini, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk perundingan, ujian pemeriksaan dan ubat-ubatan yang dibawa pulang) mestilah diterima di jabatan pesakit luar sesebuah Hospital, atau pusat rawatan dialisis yang berdaftar sebaik sahaja keluar dari Hospital atau selesai menjalani pembedahan.

Kegagalan buah pinggang dilihat sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis renal dimulakan atau pemindahan buah pinggang dijalankan.

Kami tidak akan membayar manfaat ini untuk mana-mana Peserta yang telah menghidap penyakit kronik buah pinggang dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum Tarikh Perlindungan Sijil atau tarikh Sijil ini dikeluarkan.

5.3.19 Pemindahan Organ

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang ditanggung untuk pembedahan pemindahan bagi Peserta, yang menjadi penerima pemindahan organ berikut:

- a) Sumsum tulang manusia menggunakan sel induk hematopoietik yang didahului oleh ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- b) Salah satu organ manusia yang berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang atau pankreas akibat daripada kegagalan tahap akhir organ berkenaan yang tidak boleh dipulihkan lagi.

Pemindahan sel induk lain adalah dikecualikan.

Bayaran untuk manfaat ini hanya akan digunapakai sekali sepanjang hayat dalam tempoh Sijil ini berkuatkuasa dan adalah tertakluk kepada had sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Kami tidak melindungi kos untuk mendapatkan organ-organ dan semua kos yang perlu ditanggung oleh penderma.

5.4 Had Manfaat

5.4.1 Had Tahunan Keseluruhan

Amaun maksimum manfaat adalah terhad kepada Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat tanpa mengambilkira jenis Hilang Upaya.

Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan telah digunakan sepenuhnya, semua perlindungan takaful untuk Peserta akan tamat serta merta dari dibayar untuk baki Tahun Sijil tersebut.

5.4.2 Bayaran Bersama ke atas Peningkatan Bilik dan Penginapan

Sekiranya Peserta dimasukkan ke hospital di mana kadar Bilik & Penginapan adalah lebih tinggi dari kelayakan manfaat yang diterima olehnya, Peserta hendaklah menanggung perbezaan pada kadar Bilik & Penginapan dan sebanyak dua puluh (20%) peratus dari manfaat lain yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Manfaat layak yang lain termasuklah semua manfaat di dalam Jadual Manfaat.

6. PERUNTUKAN KHAS

6.1 Perlindungan Di Seluruh Dunia

6.1.1 Peserta adalah dilindungi dua puluh empat (24) jam di seluruh dunia.

6.2 Menetap Di Luar Negara

6.1.2 Kami tidak akan membayar sebarang manfaat untuk mana-mana rawatan perubatan yang telah diterima oleh Peserta di luar Malaysia, sekiranya Peserta menetap atau melancong ke luar negara Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari secara berterusan.

6.3 Rawatan di Luar Negara

6.1.3 Sekiranya Peserta mendapatkan rawatan di luar negara Malaysia, manfaat-manfaat yang dilindungi adalah tertakluk kepada pengecualian, had-had dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini, dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan kadar tukar matawang asing rasmi semasa pada tarikh tuntutan diluluskan, dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan melainkan;

- a) Peserta yang ke luar negara dengan tujuan selain rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke Hospital di luar Malaysia akibat dari kecemasan perubatan;
- b) Peserta, atas syor daripada Pakar Perubatan dan perlu dipindahkan ke Hospital di luar Malaysia kerana kepakaran jenis rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang diperlukan adalah tidak dapat disediakan atau diberikan atau diperolehi di Malaysia;

6.1.4 Rawatan luar negara untuk jangkitan, penyakit atau kecederaan yang telah didiagnos di Malaysia dan keadaan bukan bersifat kecemasan atau kronik, yang mana rawatan sewajarnya boleh ditangguhkan sehingga pulang ke Malaysia adalah dikecualikan.

6.4 Tempoh Menunggu

6.1.5 Kelayakan untuk manfaat akan bermula tiga puluh (30) hari selepas Peserta Tarikh Perlindungan bagi Sijil ini, manakala untuk Penyakit Spesifik, perlindungan bermula selepas 120 hari dari Tarikh Perlindungan bagi Sijil ini. Tiada Tempoh Tunggu dikenakan untuk sebab Kemalangan.

6.5 Klausu Penarikan Portfolio

6.1.6 Kami berhak untuk membatalkan portfolio keseluruhannya sekiranya kami memutuskan untuk tidak meneruskan pengunderaitan produk takaful ini. Pembatalan portfolio pada keseluruhannya akan diberitahu secara bertulis kepada anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum pihak kami menguatkuasakan klausu penarikan portfolio dan kami akan meneruskan kesemua sijil-sijil sedia ada dalam portfolio sehingga tempoh perlindungannya luput.

7. PENGECUALIAN DAN PENAMATAN

7.1 Pengecualian

- 7.1.1 Kami tidak akan membayar Manfaat PP sekiranya kemasukan ke hospital oleh Peserta, pembedahan atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:
- a) Penyakit sedia ada.
 - b) Penyakit Spesifik yang terjadi dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan secara berterusan.
 - c) Sebarang masalah perubatan atau fizikal yang terjadi dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perlindungan Peserta, kecuali kecederaan akibat kemalangan.
 - d) Pembedahan kosmetik/plastik, berkhatan, pemeriksaan mata, kaca mata atau refraksi mata, atau pembedahan pembetulan ke atas rabun jauh (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pengambilan alat prostetik luaran seperti anggota badan palsu, peralatan pendengaran, alat 'pacemakers' dan preskripsi berkaitan.
 - e) Keadaan pergigian seperti rawatan pergigian atau pembedahan pergigian kecuali yang diperlukan akibat kecederaan Kemalangan ke atas gigi semulajadi yang sihat, yang berlaku semasa tempoh perlindungan takaful.
 - f) Penjagaan persendirian, pemulihan rehat atau penjagaan sanitari, dadah yang tidak diluluskan, kemabukan, pemandulan, penyakit kelamin dan berkaitan dengannya, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) atau ARC (Kompleks berkaitan AIDS) dan penyakit-penyakit berkaitan HIV (Human Immunodeficiency Virus), dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan pengasingan dari segi undang-undang.
 - g) Sebarang rawatan atau pembedahan bagi ketidaknormalan sejak lahir, atau kecacatan termasuklah penyakit keturunan.
 - h) Kehamilan, kelahiran (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan dan pembedahan sebelum dan selepas kelahiran, kaedah kontraseptif secara mekanikal atau kimia untuk kawalan mengandung, atau rawatan berkaitan kemandulan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan mati pucuk atau pensterilan.
 - i) Dimasukkan ke hospital terutamanya untuk tujuan ujian, diagnosis, ujian x-ray, pemeriksaan am fizikal atau perubatan, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi, atau sebarang rawatan yang bukannya Perlu Daripada Segi Perubatan dan rawatan pencegahan, perubatan pencegahan atau pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurang atau menambah berat badan.
 - j) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan semasa waras atau tidak waras.
 - k) Peperangan atau sebarang perlakuan peperangan, diisytiharkan atau tidak, aktiviti-aktiviti jenayah atau penganas, bertugas di dalam mana-mana pasukan bersenjata, penglibatan secara langsung di dalam mogok, penentangan dan kegemparan awam atau pemberontakan.
 - l) Pengionan radiasi atau pencemaran akibat aktiviti radioaktif dari bahan nuklear atau bahan buangan nuklear hasil proses penggabungan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear.
 - m) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh Peserta dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ atau sebarang komplikasi daripadanya.
 - n) Siasatan dan rawatan untuk gangguan tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, acutekan, refleksologi, penetapan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif lain.
 - o) Penjagaan atau rawatan yang mana bayaran tidak dikenakan atau dibayar oleh mana-mana takaful lain atau perlindungan lain yang melindungi Peserta dan Hilang Upaya yang timbul dari tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Perlindungan Pekerja.
 - p) Gangguan psikotik, mental atau kegugupan (termasuklah sebarang neurosis dan tanda-tanda psikologikal atau psikosomatik dari gangguan tersebut).
 - q) Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan-perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek pendaftaran masuk dan barang bukan-perubatan lain yang tidak layak.
 - r) Penyakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan berjalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah laut yang memerlukan perkakas pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti-aktiviti haram.

- s) Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual dan berlesen untuk menerbangkan penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- t) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

7.2 Penamatan

7.2.1 Sijil ini akan tamat secara automatik:

- a) pada Tarikh Luput; atau
- b) apabila berlaku pembatalan atau serahan atas sebarang sebab; atau
- c) apabila Peserta meninggal dunia; atau
- d) apabila ia ditamatkan di bawah mana-mana peruntukan Sijil ini; atau
- e) selepas tamat notis oleh Kami untuk menarik balik Sijil ini sepenuhnya dari pasaran mengikut klausa Penarikan Portfolio; yang mana berlaku dahulu.

7.2.2 Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan yang dihantar selepas enam puluh (60) hari dari tarikh Sijil ini tamat atau telah ditamatkan.

8. PEMBERITAHUAN DAN BATASAN TUNTUTAN

8.1 Prosedur Tuntutan

- 8.1.1 Anda mesti menghantar pemberitahuan mengenai sebarang tuntutan kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari bermulanya kemasukan ke Hospital. Kegagalan berbuat demikian, tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan sekiranya notis tidak dapat diberi sewajarnya dalam tempoh tersebut dan telah diberikan secepat mungkin.
- 8.1.2 Bukti jelas tentang kemasukan ke Hospital atau rawatan sebagai pesakit luar mestilah diberikan kepada kami dalam masa tiga puluh (30) hari selepas keluar dari hospital atau enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian Hilang Upaya untuk tuntutan yang tidak perlu kemasukkan hospital. Kami memerlukan salinan asal bil-bil dan resit-resit yang berkaitan dengan caj-caj dan yuran-yuran yang terlibat.
- 8.1.3 Kami akan membayar semua tuntutan di bawah Sijil ini dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya anda meminta kami membayar dalam mana-mana mata wang lain, kami akan menggunakan mata wang yang diminta pada kadar mata wang pasaran semasa pada tarikh tuntutan diselesaikan.

8.2 Perkara Lain Yang Kami Pertimbangkan Semasa Membayar Tuntutan

8.2.1 Manfaat Insuran/Takaful Lain

Sekiranya Peserta menerima apa-apa pampasan atau pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung daripada manfaat pekerjaan, insurans/takaful perubatan lain atau mana-mana undang-undang atau program kerajaan, manfaat yang perlu dibayar adalah terhad kepada perbelanjaan perubatan yang tidak dibayar sepenuhnya di bawah skim tersebut.

Selepas kami membuat pembayaran, tanggungjawab kami akan dilepaskan sepenuhnya.

8.2.2 Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan

Kami akan mengubah sebarang caj Hospital sekiranya pegawai perubatan kami percaya ia adalah terlalu tinggi. Caj-caj ini tidak boleh melebihi kadar umum yang dibuat oleh sesuatu Hospital dalam kedudukan dan lokasi yang sama di mana caj tersebut dibuat, dengan mengambil kira rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang sama untuk penyakit atau kecederaan yang serupa.

8.2.3 Kemasukan ke Hospital Yang Berterusan Memasuki Tahun Sijil Seterusnya

Di mana tempoh kemasukan di hospital, pesakit luar, rawatan sebelum atau selepas kemasukan ke hospital, atau penjagaan di rumah oleh jururawat memasuki Tahun Sijil seterusnya, manfaat akan dibahagikan berdasarkan tanggungan perbelanjaan harian sebenar secara terperinci.

Di mana butir-butir perbelanjaan harian tidak diberikan melalui pecahan, perbelanjaan sedemikian akan dibahagikan mengikut peratusan tempoh tinggal sebenar bagi setiap Tahun Sijil berkenaan.

Sekiranya terdapat percanggahan diantara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris dari Sijilini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

- HALAMAN TAMAT -